



SIARAN AKHBAR

KUMPULAN CENVIRO SUMBANG KEPERLUAN ASAS IHYA RAMADHAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DAN QARIAH MASJID

SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN, 9 Jun 2017 – Kumpulan Cenviro sumbang bantuan keperluan asas dan wang ringgit kepada golongan asnaf dan qariah masjid di Sendayan, Seremban.

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Pengarah Kualiti Alam, Datin Paduka Che Asmah Ibrahim kepada 50 orang asnaf dari 5 buah kampung serta 5 buah Masjid dari pelbagai daerah pada Majlis Berbuka Puasa Kumpulan Cenviro di Sendayan, Seremban Negeri Sembilan.

“Sebagai sebuah syarikat peneraju revolusi hijau, Cenviro memperuntukkan sejumlah RM20,000 bagi sumbangan Ihya Ramadhan tahun ini dengan harapan sedikit sebanyak dapat membantu mereka yang kurang berkemampuan di bulan Ramadhan serta bagi membuat persiapan untuk Hari Raya Aidilfitri kelak” kata Datin Paduka Che Asmah Ibrahim.

Sumbangan yang telah diperuntukan ini diagihkan kepada sejumlah 50 orang asnaf dari 5 buah kampung dalam bentuk barang keperluan asas seperti barang dapur serta dalam bentuk wang tunai. Manakala bagi masjid masjid dari qariah Sendayan pula, sejumlah RM 10,000 diperuntukan dimana setiap masjid menerima sumbangan wang tunai sebanyak RM 2,000 yang disampaikan dalam bentuk cek.

Kerjasama Kumpulan Cenviro bersama JKK Kampung dan ahli qariah masjid telah lama terjalin demi menjaga keharmonian dan mengeratkan hubungan sillaturahim diantara satu sama lain.

“Program tanggungjawab korporat seperti ini juga membantu Kumpulan Cenviro mencapai objektif dalam memainkan peranan yang berkesan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dengan Komuniti dari kejiranan berhampiran Pusat Kualiti Alam. Kami gembira kerana berpeluang untuk memberikan sumbangan bermanfaat secara berterusan kepada komuniti.terutama kepada keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan setiap tahun.” tambah Datin Paduka Che Asmah Ibrahim.

#####